

**PEMBANGUNAN SAHSIAH PELAJAR DAN PERANANNYA DALAM  
PENCEGAHAN MASALAH GEJALA SOSIAL: SATU KAJIAN DI KOLEJ 10  
UTM.**

**MOHD HAFIZ BIN KAMARUDIN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## ABSTRAK

Pembangunan Sahsiah Pelajar merupakan satu elemen yang penting dalam pencegahan masalah gejala sosial di kalangan pelajar pada masa kini. Pembangunan sahsiah yang dilakukan ialah pembangunan yang seiring dari segi semua aspek iaitu aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek yang berpandukan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan tentang apakah persepsi pelajar terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah pelajar di Kolej 10 dapat mengurangkan masalah gejala sosial, faktor-faktor penglibatan pelajar dalam program pembangunan sahsiah di Kolej 10 serta kesan-kesan pembangunan sahsiah pelajar dalam pencegahan masalah gejala sosial di Kolej 10. Seramai 269 orang responden telah dipilih dalam kajian ini. Beberapa item soalan telah diedarkan kepada responden yang berbentuk soal selidik dengan pilihan jawapan yang berbeza. Ia mengandungi 30 item berbentuk soalan objektif yang di bahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A (maklumat responden), bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk melihat kekerapan, peratus dan min bagi setiap soalan. Secara keseluruhannya, pembangunan sahsiah pelajar memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah gejala sosial yang kian menular ini.

## **ABSTRACT**

Nowadays, the Personality development among students is an important element in deterring social problems among students. Personality development which is complemented and guided by the al-Quran and the al-Sunah, are development in the physical, emotional, spiritual and intellectual aspects. Therefore, this research has been executed to find out on students perception about personality development activities and programs could help in reducing social problems, the factors which motivate the students' participants in personality development program Kolej 10 and also the effects of personality development in overcoming the social problems students of Kolej 10. 269 students were chosen as the respondents for this research. The instrument used was a set of questionnaire, which contained 30 items in the form of objective questions. The items were divided into four parts, namely Part A (respondents' information), Part B, C and D. The data collected was analyzed using descriptive statistical analysis in order to look at the mod, percentage and the mean for each question. Overall, personality development among students does play a vital role in defeating the social problems which is escalating nowadays.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Dedikasi	iv
	Penghargaan	v
	Abstrak	vi
	Abstract	vii
	Kandungan	viii
	Senarai Jadual	xiv
	Senarai Singkatan	xv
	Senarai Lampiran	xvi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Persoalan Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Batasan Kajian	9
	1.7 Definisi/Istilah	10
	1.7.1 Pembangunan	10
	1.7.2 Sahsiah	12

1.7.3	Pembangunan Sahsiah	13
1.7.4	Pelajar	13
1.7.5	Gejala	14
1.7.6	Sosial	14
1.7.7	Gejala Sosial	14
1.7.8	Kajian	15
1.7.9	Kolej 10	15
1.8	Kesimpulan	16
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>17</b>
2.0	Pengenalan	17
2.1	Pembangunan Sahsiah	18
2.2	Pembangunan Sahsiah Dan Pendidikan	23
2.3	Teori-teori Perkembangan Sahsiah	27
2.3.1	Teori Psikologi Remaja Atau Belia	27
2.3.2	Teori Perkembangan Sosial	28
2.4	Kriteria Sahsiah Remaja Islam	30
2.5	Faktor Pembentukan Akhlak Remaja	33
2.5.1	Keluarga	34
2.5.1.1	Ibu Bapa	34
2.5.1.2	Keadaan Ekonomi	35
2.5.1.3	Suasana Pendidikan	35
2.5.2	Persekitaran	36
2.5.3	Rakan Sebaya	36
2.5.4	Pemimpin Dan Masyarakat	37
2.6	Masalah Sosial	38
2.6.1	Bentuk-bentuk Masalah Sosial	39
2.6.1.1	Lepak	39
2.6.1.2	Penagihan Dadah	40

	2.6.1.3 Pergaulan Bebas	41
2.6.2	Punca-punca Masalah Sosial	41
	2.6.2.1 Kurang Didikan Agama	42
	2.6.2.2 Kurang Perhatian Ibu Bapa	43
	2.6.2.3 Pengaruh Rakan Sebaya	44
	2.6.2.4 Kesan Pembangunan Tidak Seimbang	44
2.6.3	Cara Mengatasi Masalah Sosial	46
	2.6.3.1 Perubahan Sikap Remaja Itu Sendiri	46
	2.6.3.2 Pendekatan Ibu Bapa Terhadap Anaknya	47
	2.6.3.3 Peranan Media Massa	49
	2.6.3.4 Penglibatan Sektor Swasta, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO'S) dan Badan-badan Dakwah	49
2.7	Kajian-kajian Terdahulu	50
2.8	Kesimpulan	53
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>54</b>
3.0	Pengenalan	54
3.1	Reka Bentuk Kajian	55
3.2	Tempat Kajian	55
3.3	Populasi Dan Sampel	56
3.4	Instrumentasi	56
3.5	Kajian Rintis	58
3.6	Analisis Data	59

3.7	Jangka Masa Kajian	60
3.8	Kesimpulan	60
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>61</b>
4.0	Pengenalan	61
4.1	Dapatan Kajian	62
4.1.1	Analisis Data Bahagian A: Latar Belakang Responden	62
4.1.2	Analisis Data Bahagian B: Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Program-program Dan Aktiviti-aktiviti Pembangunan Sahsiah Pelajar Di Kolej 10 Dapat Mengurangkan Masalah Gejala Sosial	68
4.1.3	Analisis Data Bahagian C: Faktor-faktor Penglibatan Pelajar Dalam Program Pembangunan Sahsiah Di Kolej 10	74
4.1.4	Analisis Data Bahagian D: Kesan-kesan Pembangunan Sahsiah Dalam Pencegahan Masalah Gejala Sosial	78
4.2	Analisis Keseluruhan Item Mengikut Objektif	81
4.2.1	Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Program-program Dan Aktiviti-aktiviti Pembangunan Sahsiah Pelajar Di Kolej 10 Dapat	82

	Mengurangkan Masalah Gejala Sosial	
4.2.2	Faktor-faktor Penglibatan Pelajar Dalam Program Pembangunan Sahsiah Di Kolej 10	84
4.2.3	Kesan-kesan Pembangunan Sahsiah Dalam Pencegahan Masalah Gejala Sosial	85
4.3	Kesimpulan	87
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>88</b>
5.0	Pengenalan	88
5.1	Ringkasan Kajian	89
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	90
5.2.1	Latar Belakang Responden	90
5.2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Program-program Dan Aktiviti-aktiviti Pembangunan Sahsiah Pelajar Di Kolej 10 Dapat Mengurangkan Masalah Gejala Sosial	93
5.2.3	Faktor-faktor Penglibatan Pelajar Dalam Program Pembangunan Sahsiah Di Kolej 10	94
5.2.4	Kesan-kesan Pembangunan Sahsiah Dalam Pencegahan Masalah Gejala	96
5.3	Rumusan	97
5.4	Cadangan	98
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	101

5.6	Kesimpulan	102
	<b>SENARAI RUJUKAN</b>	103
	<b>LAMPIRAN</b>	112

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Maklumat Responden Mengikut Tahun Kursus	63
2	Maklumat Responden Mengikut Fakulti	63
3	Maklumat Responden Mengikut Bangsa	64
4	Taburan Bilangan Responden Mengikuti Umur	64
5	Taburan Bilangan Responden Mengikuti Status	65
6	Maklumat Responden Mengikuti Sekolah Terdahulu	65
7	Maklumat Responden Mengikuti Aliran	66
8	Maklumat Responden Mengikuti Blok Kediaman di Kolej 10	66
9	Maklumat Responden Mengikuti Status Bilik Kediaman di Kolej 10	67
10	Maklumat Responden Mengikuti Peringkat Penglibatan	67
11	Item 11	68
12	Item 12	69
13	Item 13	69
14	Item 14	70
15	Item 15	71
16	Item 16	71
17	Item 17	72
18	Item 18	72
19	Item 19	73

20	Item 20	73
21	Item 21	74
22	Item 22	75
23	Item 23	75
24	Item 24	76
25	Item 25	77
26	Item 26	78
27	Item 27	79
28	Item 28	79
29	Item 29	80
30	Item 30	80
31	Skala Likert	81
32	Min dan kecenderungan respon bagi objektif pertama kajian	82
33	Min dan kecenderungan respon bagi objektif kedua kajian	84
34	Min dan kecenderungan respon bagi objektif ketiga kajian	85

**SENARAI SINGKATAN**

ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
Bil	:	Bilangan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
dll	:	dan lain-lain
dsb	:	dan sebagainya
HEP	:	Hal Ehwal Pelajar
JKM	:	Jawatankuasa Kolej Mahasiswa
m.s.	:	Muka Surat
N	:	Jumlah Responden
PRIMA:		Program Kecemerlangan Mahasiswa
S.A.W	:	Sallahualaihi Wasalam
S.W.T	:	Subhanahu wa Taala
SPSS	:	Statistic Package For Social Science
t.t	:	Tanpa Tahun
UTM	:	Universiti Teknologi Malaysia
%	:	Peratus

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Soal selidik Pembangunan Sahsiah Pelajar Dan Peranannya Dalam Pencegahan Masalah Gejala Sosial: Satu Kajian Di Kolej 10, UTM.	112
B	Pengesahan Status Pelajar	117
C	Surat Pengesahan Status Pelajar Untuk Ke Perpustakaan Universiti Malaya	118
D	Jadual Penentuan Saiz Sampel	119
E	Gambar-gambar Kolej 10	120

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Islam merupakan sebuah agama yang syumul dan lengkap. Ini kerana Islam ia telah meliputi seluruh aspek kehidupan baik di dunia ataupun di akhirat. Islam menggariskan undang-undang ataupun peraturan yang sempurna dan lengkap tanpa cacat cela bagi manusia untuk menjalani kehidupan seharian di muka bumi ini sebagai khalifah Allah. Khalifah yang dimaksudkan di sini ialah sebagai pemelihara, pentadbir dan penjaga alam ciptaan Allah Yang Maha Esa ini.

Segala apa peraturan atau undang-undang yang telah ditentukan oleh Allah untuk manusia, merupakan yang terbaik dan sempurna. Ia meliputi seluruh kehidupan manusia dan makhluk-makhluk lain di muka bumi Allah ini. Sesungguhnya manusia merupakan makhluk yang diciptakan oleh Allah dengan sebaik-baik kejadian. Ini terbukti dengan Firman Allah dalam surah at-Tin ayat 4 :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya : “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*”

(Surah at-Tin : 4)

Ini sangatlah bertepatan bahwa manusia merupakan khalifah di muka bumi Allah. Manusia dianugerahkan dengan kelebihan akal berbanding dengan makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Oleh yang demikian manusia mestilah mempunyai keseimbangan dari segi jasmani dan rohani bagi menjadi manusia yang terbaik untuk menjaga bumi Allah ini.

Manusia dan moral ialah dua elemen yang tidak boleh dipisahkan. Apabila membicarakan tentang moral ia juga mempunyai kaitan yang rapat dengan akhlak. Menurut al-Ghazali akhlak ialah “Satu gambaran daripada keadaan dalam diri yang telah sehati, daripadanya melahirkan tingkah laku yang mudah dicerna (Abdul Rahman Md. Aroff, 1997 : 77). Dengan akhlak kita dapat membezakan seseorang itu yang mana baik dan yang mana buruk. Seseorang yang mempunyai akhlak yang tinggi akan di pandang tinggi oleh Allah S.W.T. Manakala manusia yang berakhlak rendah akan dipandang hina di sisi Allah S.W.T.

Akhlak dalam Islam menitikberatkan dasar keseimbangan antara tuntutan jasmani dan rohani serta kebaikan dunia dan akhirat. Inilah yang dikatakan dimensi akhlak dalam Islam, iaitu zahir dan batin. Manakala keseimbangan di antara dunia dengan akhirat dapat memastikan bahawa manusia benar-benar berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi Allah ini. Begitu juga dalam pendidikan Islam, kandungan nilai akhlak dan moral serta kesopanan adalah jiwa pendidikan dalam Islam

itu sendiri (Syamsi Jamaluddin, 2002 : 3). Inilah yang dijadikan asas kepada proses reformasi pembangunan manusia ke arah melahirkan warganegara yang mempunyai ketulusan, keseimbangan dan kesepaduan sahsiah dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani menerusi perspektif Islam (Ahmad Mohd Salleh, 1997 : 118). Memetik kata-kata pemimpin India yang terkenal Mahatma Gandhi yang menjelaskan tentang kepentingan pendidikan akhlak dengan katanya “*Sesungguhnya agama dan kemuliaan akhlak ialah satu perkara yang tidak dapat dipisahkan dan tak mungkin terpisah satu dari yang lain. Kedua-duanya adalah merupakan kesatuan yang tidak boleh terbahagi. Agama seumpama roh bagi akhlak. Akhlak pula adalah udara bagi roh. Dalam ungkapan lain, agama membaja, menumbuhkan dan menyegarkan akhlak sebagaimana air menyuburkan tanaman.*” (Ab. Gani Jalil, 2000 : 5).

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Malaysia merupakan sebuah negara yang paling pesat membangun jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Dalam usaha mengejar arus kemodenan dan kemajuan seiring dengan cabaran globalisasi dan wawasan 2020, nilai-nilai peradaban masyarakat semakin mundur tidak sejajar dengan pembangunan ekonomi Malaysia.

Dewasa ini kita telah diterjah oleh pelbagai masalah atau kes-kes gejala sosial yang berlaku di dalam masyarakat terutamanya pada golongan remaja. Oleh kerana remaja merupakan golongan yang akan menjadi pelapis negara ini maka perkara ini tidak boleh dipandang sebagai perkara yang remeh. Pelbagai masalah-masalah sosial yang dilakukan oleh golongan ini seperti buli, gengsterisme, vandalisme, mencuri, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, dadah, ganja, menghidu gam, lepak dan

bermacam-macam lagi. Masalah ini boleh memberikan impak yang negatif kepada negara kita. Jika masalah ini semakin melarat maka ia akan memberikan satu implikasi yang negatif kepada negara dan bangsa kita.

Masalah gejala sosial ini bukan sahaja berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah malah lebih menyedihkan lagi ia berlaku juga di kalangan pelajar-pelajar universiti-universiti awam atau swasta di negara kita. Ini kerana mereka adalah merupakan golongan yang bakal menjadi pemimpin dan mencorakkan negara mengikut acuan mereka sendiri. Jika beginilah sikap mereka yang sering melakukan masalah-masalah sosial, maka dikhuatiri negara kita akan dipimpin oleh golongan yang bakal merosakkan negaranya sendiri.

Masalah ini berlaku mungkin disebabkan banyak faktor. Faktor-faktornya seperti kelalaian ibu bapa, kelemahan sistem pendidikan, pengaruh persekitaran dan lain-lain. Di masa kini, bentuk atau cara sistem pendidikan seharusnya ditinjau kembali secara saksama dan jujur. Ini kerana sistem pendidikan sekarang tidak mampu dan hampir gagal membentuk seorang pelajar yang berjaya dan berakhlak mulia (Ahmad Redzuan Mohd Yunus, 2003 : 5). Kepincangan institusi kekeluargaan juga menjadi faktor masalah gejala sosial ini. Ibu bapa yang sibuk dengan urusan kerja masing-masing, tiada masa untuk memberikan sepenuh perhatian kepada anak-anak mereka. Faktor-faktor lain, ialah berpunca daripada kesan dunia tanpa sempadan. Budaya-budaya kuning dari barat dengan mudah memasuki negara kita melalui pengantaraan media, tidak kira media cetak atau media elektronik. Para remaja mudah mendapat pengetahuan atau informasi yang negatif. Dengan adanya teknologi terkini para remaja juga boleh membuka internet dengan hanya menggunakan telefon bimbit mereka sendiri. Hanya dengan membuka internet dan klik sahaja mana-mana laman yang mereka suka. Jadi tidak hairanlah gejala sosial ini *tumbuh bak cendawan selepas hujan* selaras dengan kemajuan dalam masyarakat dan sentiasa bertukar mengikut perkembangan semasa (Rosinah Ali, 2000 : 135)

Masalah yang dihadapi belum dapat di selesaikan, malah ia semakin parah, mencemaskan dan menghantui pelbagai pihak. *Ibarat api dalam sekam*, jika dibiarkan marak tanpa kawalan sudah tentu mengundang padah yang lebih buruk. Kita janganlah mengambil sikap menunggu sehingga keadaan menjadi serius baru tindakan mahu diambil kerana dikhuatiri apabila sampai ke peringkat itu kelak, segala-galanya mungkin sudah terlambat.

Oleh kerana para remaja atau pelajar khususnya mahasiswa-mahasiswa di universiti merupakan aset yang amat penting bagi kecemerlangan negara pada masa akan datang. Maka mereka perlu mempunyai keupayaan untuk mengimbangi pembangunan sahsiah yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran agama dan nilai-nilai budaya dalam masyarakat dengan pembangunan intelektual merupakan kejayaan kepada masyarakat dan negara (Abd Jalil Bin Borham, 1998 : 1). Pembangunan sahsiah penting dalam membina satu generasi pelapis yang bakal memimpin negara di masa akan datang.

Konsep pembangunan sahsiah pelajar berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Ini kerana pelajar merupakan sebahagian daripada manusia (Abd Jalil Bin Borham, 1998 : 2). Pembangunan yang dilakukan perlulah seiring dari semua aspek iaitu aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek yang berpandukan ajaran al-Quran dan Sunnah. Pelbagai usaha yang dilakukan bagi melaksanakan program pembangunan sahsiah pelajar bagi mencegah masalah-masalah sosial yang berlaku pada masa kini.

Pembangunan sahsiah ini perlu bagi pelajar khususnya pelajar-pelajar di universiti kerana ia merupakan satu wadah pengisian dalam kehidupan mereka. Ia mengisi seluruh aspek bagi setiap pelajar sama ada dalam aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi pelajar.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan memandangkan pelbagai masalah-masalah sosial yang melanda di kalangan pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta khususnya pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Masalah sosial yang berlaku semakin parah dan membingungkan semua pihak terutamanya pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP), pihak pentadbiran Kolej dan Pengetua Kolej, dan pihak ibu bapa pelajar. Pelajar-pelajar yang berlatar belakang pencapaian akademik yang cemerlang sepatutnya tidak akan melakukan kesalahan-kesalahan atau masalah-masalah sosial yang boleh mencemarkan status mereka sebagai pelajar universiti.

Kajian mengenai Pembangunan Sahsiah ini dilakukan di Kolej 10 Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor (UTM). Ini memandangkan kajian mengenai Pembangunan Sahsiah di kolej ini belum pernah dilakukan oleh sesiapa sama ada di kalangan pelajar atau pun pensyarah. Maklumat awal mengenai kajian yang akan dilakukan ini diperolehi daripada buku-buku, kertas kerja yang lalu, kajian-kajian lepas, internet dan maklumat dari pihak kolej itu sendiri.

Pengkaji memilih Kolej 10 sebagai bahan kajian untuk mengkaji apakah persepsi pelajar terhadap aktiviti dan program pembangunan sahsiah dapat mencegah masalah gejala sosial. Selain itu ia juga mengkaji faktor-faktor penglibatan pelajar dalam program pembangunan sahsiah di Kolej 10 dan kesan-kesan pembangunan sahsiah pelajar dalam pencegahan masalah gejala sosial di Kolej 10.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan di atas, persoalan kajian penyelidikan ialah :

- 1.3.1 Apakah persepsi pelajar terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah pelajar di Kolej 10 dapat mengurangkan masalah gejala sosial?
- 1.3.2 Apakah faktor-faktor penglibatan pelajar dalam program pembangunan sahsiah di Kolej 10?
- 1.3.3 Apakah kesan-kesan pembangunan sahsiah pelajar dalam pencegahan masalah gejala sosial di Kolej 10?

### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini ialah :

- 1.3.1 Menjelaskan persepsi pelajar terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah pelajar di Kolej 10 dapat mengurangkan masalah gejala sosial.
- 1.3.2 Mengenal pasti faktor-faktor penglibatan pelajar dalam program pembangunan sahsiah di kolej 10.

### 1.3.3 Kesan-kesan pembangunan sahsiah pelajar dalam pencegahan masalah gejala sosial di kolej 10.